

16 JAN 2002
Tajol-Resort
RESORT PASIR SALAK BEROPERASI MAC INI

IPOH, 16 Jan (Bernama) -- Pasir Salak Riverine Resort di Kampung Gajah, yang ditutup September lepas akan beroperasi semula Mac ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Beliau berkata resort di pinggir Sungai Perak yang diurus oleh Perak Riverine Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Yayasan Perak, mengalami kerugian berikutan kekurangan pengunjung.

Seri Bayu Beach Resort yang mula mengurus resort itu sebelum diambilalih oleh Perak Riverine pada Julai, 2000, dilantik semula menjalankan operasi resort berkenaan mulai Mac ini, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco negeri di sini hari ini.

Resort yang terletak bersebelahan Kompleks Sejarah Pasir Salak itu dibina pada Mac 1997 dan siap dua tahun kemudian dengan kos RM15 juta.

Tajol Rosli berkata pemilik syarikat, Dzulkarnain Mohd Nordin kini sedang menjalankan kerja pemulihan resort berkenaan dan dijangka akan beroperasi semula awal Mac ini.

Melalui pengurusan baru itu beliau berharap resort berkenaan akan kembali menjadi tarikan pelancong.

Tajol Rosli berkata resort itu sebelum ini sering dikunjungi pelancong dari Hong Kong dan Taiwan.

Beliau berkata resort itu akan menawarkan beberapa pakej menarik, seperti rawatan urut bagi ibu yang baru bersalin, terutama bagi pengunjung luar.

Bagi pengunjung beragama Islam yang telah bersara, pakej khas untuk mendalami agama seperti aktiviti ceramah serta kuliah subuh akan disediakan di situ, katanya.

Beberapa aktiviti di Sungai Perak akan turut diadakan untuk pengunjung dan pelancong yang ingin menikmati keindahan sungai itu.

Sementara itu, beliau berkata Perak menyambut baik saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai pembinaan gerai-gerai tetap untuk penjaja dan peniaga kecil di semua bandar di seluruh negara bagi membantu menaikan taraf sosio-ekonomi golongan itu.

"Kita juga akan mengikut langkah tersebut dan saya telah meminta Setiausaha Kerajaan Negeri mengenal pasti tapak yang sesuai bagi tujuan itu", katanya.

Keutamaan akan diberikan kepada gerai-gerai di bandar dan pekan seperti Pulau Pangkor, Lumut, Taiping atau tempat lain yang sesuai, katanya.

-- BERNAMA
PBA LAT